

mendatangkan dosa kepadanya. Perkara yang membawa hasil yang berbeza kepadanya ialah niat. (12) Keikhlasan adalah syarat yang mesti untuk diterima sesuatu amalan. (13) Hadits inilah yang dijadikan asas dan sandaran oleh para fuqaha' untuk satu qaedah fiqh ciptaan mereka yang berbunyi: الأمور بمقاصدها Bermaksud: "Segala perkara dikira berdasarkan maksud-maksudnya."

³⁷ Oleh kerana iman adalah sesuatu yang paling penting dalam kehidupan beragama dan ia merupakan syarat penerimaan segala amalan dan ibadat seseorang manusia, maka pengarang memulakan kitabnya dengan Kitab Iman. Erti Iman. Dari segi bahasa 'Arab iman bererti mempercayai, menyakini, menerima dan membenarkan. Penggunaan perkataan ini dari sudut bahasa dapat dilihat umpamanya dalam firman Allah berikut ini: وَلَوْ أَنَّهُمْ آمَنُوا بِمَا وَعَدُوا فَقَدْ أَفْلَحُوا وَمَا أَنَا بِمُؤْمِنٍ لَّنَا (أَيُّ بِمُصَدِّقٍ لَّنَا) وَلَوْ أَنَّهُمْ آمَنُوا بِمَا وَعَدُوا فَقَدْ أَفْلَحُوا وَمَا أَنَا بِمُؤْمِنٍ لَّنَا Bermaksud: Ayah sudah tentu tidak akan mempercayai kami (membenarkan kata-kata kami), sekalipun kami adalah orang-orang yang benar. (Yusuf:17). Perkataan iman berasal daripada perkataan أَمِنَ yang bererti keamanan, keselamatan dan ketenteraman. Seolah-olahnya orang yang membenarkan seseorang, meletakkannya dalam keamanan dan ketenteraman daripada dibantahi dan didustainya. Dari segi istilah syari'at pula, beberapa ta'rif iman telah dikemukakan oleh para 'ulama'. Antara lainnya ialah: (1) Kebanyakan 'ulama' berpendapat iman menurut istilah syari'at ialah التصديق بما علم بالضرورة أنه من الدين كالإيمان بالله Bermaksud: Membenarkan apa yang diketahui sebagai ajaran ugama Islam oleh semua orang. Seperti percaya kepada Allah, malaikat, kitab-kitab suciNya, rasul-rasulNya dan hari kemudian. (2) Al-Aalusi di dalam Ruh al-Ma'ani menta'rifkannya dengan berkata: هو التصديق بما علم مجيء النبي به ضرورة تفصيلا فيما علم تفصيلا وإجمالا فيما علم إجمالا Bermaksud: Iman ialah membenarkan ajaran-ajaran yang diketahui semua orang telah dibawa oleh Nabi s.a.w. Yang dikemukakan oleh Baginda s.a.w. secara terperinci, perlu diimani secara terperinci dan yang dikemukakan oleh Baginda s.a.w. secara borong pula, perlu diimani secara borong. Setelah mengutarakan ta'rif tersebut Al-Aalusi berkata: وهذا مذهب جمهور المحققين (ini adalah pegangan kebanyakan ahli tahqiq). (3) Iman ialah membenarkan ajaran-ajaran yang diyakini sebagai ugama yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Justeru ajaran-ajaran yang tsabit berdasarkan dzan semata-mata, seperti yang tsabit melalui hadits-hadits ahaad dan qias tidak termasuk dalam bidang imaniyyaat (perkara-perkara yang wajib diimani). (4) Imam al-Ghazali di dalam Faishalatu at-Tafriqah Baina al-Islam Wa az-Zandaqah menta'rifkan iman dan kufur dengan katanya: الإيمان هو تصديق النبي عليه الصلاة والسلام في جميع ما جاء به والكفر هو تكذيبه في شيء مما جاء به Bermaksud: Iman ialah membenarkan segala apa yang dibawa oleh Nabi s.a.w. dan kufur ialah mendustakan apa saja yang dibawa Baginda s.a.w. Jadi mengikut ta'rif ini, seseorang itu baru dikatakan beriman apabila ia membenarkan semua perkara yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Dan untuk menjadi kafir pula tidak perlu ia mendustakan semua perkara yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Memadailah dengan ia mendustakan satu saja ajaran yang dibawa Baginda s.a.w. (5) Imam Raazi kurang puas hati dengan ta'rif yang dikemukakan oleh al-Ghazali itu kerana beberapa alasan. Salah satunya ialah ta'rif itu tidak merangkumi orang yang tidak membenarkan dan tidak juga mendustakan Rasulullah s.a.w. Padahal semua 'ulama' sepakat mengatakan orang seperti itu juga dikira kafir. Maka beliau mengubah sedikit ta'rif yang dibuat al-Ghazali tadi dengan berkata: عدم تصديق النبي صلى الله عليه وسلم في شيء مما جاء به Bermaksud: "Iman ialah membenarkan Nabi s.a.w. serta ajaran yang dibawanya dan kufur pula ialah tidak membenarkan apa saja yang

dibawa Nabi s.a.w.” Dengan itu tidak terlepaslah orang yang tidak membenarkan dan tidak juga mendustakan Rasulullah s.a.w. daripada kekufuran. (6) Shah ‘Abdul ‘Aziz dinukilkan berpendapat bahawa iman itu bererti menerima Kitab Allah, zahir dan batinnya sesuai dengan kehendak al-Qur’an dan Sunnah Nabi s.a.w. Seseorang tidak akan terlepas daripada menjadi mulhid (kafir) dan zindiq walaupun setelah menerima Kitab Allah zahir dan batin, sekiranya ia masih lagi menta’wilkannya dengan ta’wilan-ta’wilan yang tidak bersesuaian dengan Kitab Allah dan Sunnah rasulNya. Misalnya ia percaya bahawa syurga dan neraka yang tersebut di dalam al-Qur’an itu benar, tetapi dita’wilnya syurga dengan kesenangan jiwa dan neraka pula dengan penderitaan jiwa. Ta’wilan seumpama ini bercanggah sama sekali dengan al-Qur’an dan as-Sunnah. Firman Allah فَاخْلَعْ نَعْلَيْكَ sebagai contoh kedua, diterimanya sebagai firman Allah. Tetapi maksudnya ialah sughra dan kubra atau lain-lain yang secara total bercanggah dengan al-Qur’an dan as-Sunnah. Menolak apa yang dibawa Rasulullah s.a.w. secara terang pula adalah kekufuran dan menerimanya dengan lidah sahaja atau mengerjakannya secara lahir sahaja, sedangkan hati tidak menerimanya adalah nifaq. (7) Maulana Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri berpendapat, الإيمان هو تصديق النبي صلى الله عليه وسلم بما جاء به بالاعتماد عليه صلى الله عليه وسلم Bermaksud: Iman ialah membenarkan Nabi s.a.w. serta ajaran yang dibawanya dengan semata-mata bersandar dan percaya kepadanya. Dengan itu orang yang membenarkan ajaran yang dibawa oleh Nabi s.a.w. dengan bersandar kepada dalil-dalil ‘aqliahnya sendiri masih tidak boleh dikatakan mu’min. Alasan beliau ialah firman Allah di bawah ini:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّى يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۖ

Bermaksud: Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka (manusia) tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim (pemutus) dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau putuskan itu, dan mereka menerimanya dengan sepenuhnya. (An-Nisaa’:65). (8) Imam Muhammad bin al-Hasan asy-Syaibaani dinukilkan berkata: الإيمان هو تصديق النبي صلى الله عليه وسلم بما جاء به مع التبري عن جميع ما سوى الله Bermaksud: Iman ialah membenarkan Nabi s.a.w. serta ajaran yang dibawanya di samping terlepas diri daripada segala sesuatu selain Allah. Syeikh Ahmad Sarhindi yang dianggap sebagai mujaddid alaf kedua oleh ‘ulama’-‘ulama’ di benua kecil India, menyokong pendapat ini dengan mengemukakan firman Allah di bawah ini sebagai sandarannya:

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ مَعَهُ إِذْ قَالُوا لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَءُؤُا مِنْكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ أَبَدًا حَتَّى تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَحَدُّهُ

Bermaksud: Sesungguhnya telah ada suri tauladan yang baik bagimu pada Ibrahim a.s. dan pengikut-pengikutnya, semasa mereka berkata kepada kaumnya: “Sesungguhnya Kami terlepas diri daripada kamu dan daripada apa yang kamu sembah selain Allah; Kami ingkari (kekufuran) kamu dan (dengan ini) nyatalah perasaan permusuhan dan kebencian di antara kami dengan kamu buat selama-lamanya, sehingga kamu beriman kepada Allah semata-mata. (Al-Mumtahanah:4). (9) Syeikh ‘Abdul Qadir al-Jilaani, Shah Waliyyulah dan Qadhi Tsana’ullah Paniipati pula berpendapat, iman ada rupa zahir dan hakikat. Rupa zahir iman ialah تصديق باللسان (membenarkan dengan hati), إقرار باللسان (mengaku dengan lidah) dan عمل بالأركان (melakukan dengan anggota badan). Hakikat iman pula ialah keinginan manusia sepenuhnya mengikut kehendak Syari’at (ugama Islam). Sandaran untuk hakikat iman itu dapat dilihat umpamanya di dalam sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh ‘Amar bin al-‘Aash ini: لا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جُثَّ بِهِ Bermaksud: Tidak beriman seseorang

daripada kamu selagi keinginannya tidak mengikut apa (ajaran) yang telah ku bawa. (al-Baghawi di dalam Syarah as-Sunnahnya, an-Nawawi di dalam Arba'innya, at-Thabaraani, Ibnu Abi 'Aashim dan lain-lain). Firman Allah berikut juga jelas mengisyaratkan kepadanya:

وَأَعْلَمُوا أَنَّ فِيكُمْ رَسُولَ اللَّهِ لَوْ يُطِيعُكُمْ فِي كَثِيرٍ مِّنَ الْأَمْرِ لَعَنِتُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ أُولَٰئِكَ هُمُ الرَّاشِدُونَ ۖ

Bermaksud: dan ketahuilah bahawa di kalanganmu ada Rasulullah. Kalau dia menurut kehendakmu dalam banyak perkara, tentulah kamu mendapat kesusahan, tetapi Allah menjadikan kamu 'cinta' kepada keimanan dan Dia menjadikan keimanan itu indah di dalam hatimu serta menjadikan kamu benci kepada kekafiran, kefasikan, dan kedurhakaan. Mereka Itulah orang-orang yang mengikuti jalan yang lurus, (Al-Hujuraat:7). Dengan rahmat dan inayat Allah semata-mata, kita manusia yang lemah ini ditakliffkan (dibebani agama) hanya dengan rupa zahir iman sahaja. Padahal kesempurnaan iman itu tetap juga berada pada hakikatnya.

Pembahagian Kufur (Kekufuran). Lawan iman adalah kufur. Erti dan ta'rif kufur telah pun disebutkan sebelum ini bersama-sama dengan erti dan ta'rif iman. Namun begitu para 'ulama' telah membahagikan pula kufur itu kepada dua bahagian utama. **Pertama:** Kufur besar (الكفر) (الأكبر) yang menyebabkan seseorang tidak boleh dianggap mu'min dan muslim. Kufur besar ini juga menyebabkan seseorang terkeluar daripada agama Islam, kekal di dalam neraka dan tidak dapat diberi syafa'at oleh sesiapa pun. Kufur inilah yang merupakan lawan iman. Ia boleh berlaku atau terjadi dengan / kerana kepercayaan, perkataan, perbuatan, dan keraguan. Antara kufur yang termasuk dalam bahagian kufur besar ini ialah: (1) كفر الإنكار (Kufur ingkar). Iaitu mengingkari kebenaran agama Islam dengan hati dan lidah, kedua-duanya sekali. Kekufuran inilah yang terdapat pada kebanyakan orang-orang kafir. (2) كفر الجحود (Kufur juhud). Iaitu mengingkari kebenaran agama Islam dengan lidah sahaja. Walaupun hati mengakui dan mengetahui kebenarannya. Seperti kekufuran Iblis yang melanggar perintah Allah supaya bersujud kepada Adam dan kekufuran orang-orang Yahudi di zaman Rasulullah s.a.w. (3) كفر العناد (kufur 'inad). Iaitu mengetahui kebenaran agama Islam dan menerimanya juga di dalam hati, di samping mengakui pula dengan lidah. Tetapi tetap tidak mahu menganut agama Islam. Seperti kekufuran Abu Thalib, bapa saudara Nabi s.a.w. (4) كفر النفاق (kufur nifaq). Iaitu mengakui kebenaran agama Islam dengan lidah. Tetapi hati tidak. (5) كفر الشك (kufur syak). Iaitu kekufuran kerana masih lagi ada keraguan tentang kebenaran agama Islam. **Kedua:** Kufur kecil (الكفر الأصغر). Iaitu kekufuran yang tidak mengeluarkan seseorang daripada agama Islam dan tidak pula menyebabkannya kekal di dalam neraka. Istilah lain yang sering juga digunakan untuk kufur kecil ini ialah الكفر العملي dan كفر دون كفر. Kufur kecil ini walaupun tidak mengeluarkan seseorang daripada agama Islam kerana tidak merobohkan asas keimanan itu sendiri, namun ia boleh menjejaskan dan melemahkan imannya. Orang yang terlibat dengan kufur kecil ini dikira terlibat dengan dosa besar dan dimurkai Allah. Dia dikehendaki bertaubat dengan segera. Hakikat kufur kecil itu sebenarnya ialah ma'shiat-ma'shiat atau dosa-dosa besar yang disebut Rasulullah s.a.w. sebagai kekufuran. Atau kerana ia mengandungi bayang-bayang kesyirikan. Antara kufur yang termasuk dalam bahagian kufur kecil ini ialah: (1) كفر (الكفر النعمة والإحسان) (kufur ni'mat dan budi). Kufur ni'mat sebenarnya adalah lawan kepada syukur. Seseorang yang tidak bersyukur kepada Allah atas ni'mat yang dikurniakan oleh Allah kepadanya, pada hakikatnya adalah seorang yang tidak tahu mengenang budi dan tanpa disedarinya dia sesungguhnya mengingkari dan menafikan ni'mat Allah itu apabila ia

mengaitkannya dengan orang lain atau sesuatu yang lain selain Allah. Walaupun jauh di sudut hatinya dia masih beri'tiqad bahawa Allah jugalah yang mengurniakan semua itu kepadanya. Antara contoh kufur ni'mat ialah: (a) Menamakan anak-anak dengan nama yang mengandungi bayang-bayang kesyirikan. Seperti `Abdul Husain, `Abdur Rasul dan lain-lain. Bukankah Allah yang mengurniakan anak kepada kita. Kenapa pula kita mengatakan anak itu hamba Husain atau hamba Rasul. Seolah-olahnya Husain dan Rasul pula yang mengurniakan anak itu kepada kita! (b) Beria-ia benar atau bersungguh-bersungguh sangat mengaitkan kesembuhan dengan sesuatu ubat atau rawatan seseorang doktor. Padahal yang menyembuhkan adalah Allah. Ubat dan doktor itu tidak lebih daripada sebab sahaja. Itulah yang dimaksudkan oleh Allah melalui dua firmanNya di bawah ini:

يَعْرِفُونَ نِعْمَتَ اللَّهِ ثُمَّ يُنْكِرُونَهَا وَأَكْثَرُهُمُ الْكَافِرُونَ ۚ

Bermaksud: Mereka mengetahui ni'mat Allah, kemudian tergamak mengingkarinya; kebanyakan mereka adalah orang-orang yang kufur ingkar. (An-Nahl:83).

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَاقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ

وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ۚ

Bermaksud: dan Allah telah membuat suatu perumpamaan (dengan) sebuah negeri yang dahulunya aman lagi tenteram, rezkinya datang kepadanya melimpah ruah dari segenap tempat, tetapi penduduknya mengingkari ni'mat-ni'mat Allah itu, maka Allah merasakan kepada mereka pakaian kelaparan dan ketakutan, disebabkan apa yang telah mereka lakukan. (An-Nahl:112). (2) Bersumpah atas nama orang lain atau sesuatu yang lain selain Allah. Kerana Rasulullah s.a.w. telah bersabda: مَنْ خَلَفَ بِغَيْرِ اللَّهِ فَقَدْ كَفَرَ أَوْ أَشْرَكَ Bermaksud: Sesiapa bersumpah bukan dengan nama Allah, sesungguhnya dia telah kufur atau syirik. (Ahmad, Tirmizi, Abu Daud at-Thayaalisi, Abu Ya'la, at-Tabaraani, al-Baihaqi, al-Haakim, Abu `Awaanah dan lain-lain.). (3) Memerangi orang Islam. Rasulullah s.a.w. bersabda: سَبَابُ الْمُسْلِمِ سَبَابُ الْكُفْرِ Bermaksud: Memaki orang Islam adalah kefasikan dan memerangnya adalah kekufuran. (Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Baihaqi, at-Tabaraani dan lain-lain). (4) Mencaci dan memburukkan keturunan seseorang dan meratapi orang yang telah mati. Rasulullah s.a.w.: اثْنَتَانِ فِي النَّاسِ هُمَا كُفْرُ الطَّغْنِ فِي الْأَنْسَابِ وَالنِّيَاحَةِ عَلَى الْمَيِّتِ Bermaksud: Dua sifat ada pada orang ramai. Ia menyebabkan mereka kufur. (Pertama) Mencaci dan memburukkan keturunan orang. (Kedua) Meratapi orang mati. (Muslim, Ahmad, Abu `Awaanah dan Ibnu Mandah). (5) Mengaitkan diri dengan bukan ayah sendiri atau tidak mengakui keturunan sendiri yang sebenar. Rasulullah s.a.w. bersabda: لَا تَرْغَبُوا عَنْ آبَائِكُمْ فَمَنْ رَغِبَ لَا تَرْغَبُوا عَنْ آبَائِكُمْ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ أَبِيهِ فَهُوَ كُفْرٌ Bermaksud: Jangan kamu benci kepada keturunanmu. (Sikap) Orang yang tidak suka kepada ayahnya itu adalah suatu kekufuran. (Bukhari, Muslim, Ahmad dan Abu `Awaanah). **Pendapat Pelbagai Aliran Agama (Firqah) Tentang Iman.** Iman menurut Murji'ah tidak lebih daripada nama kepada membenarkan agama Islam dengan hati (تصديق بالجان) semata-mata. Pengakuan dengan lidah (إقرار باللسان) dan عمل بالأركان (melakukan suruhan agama dengan anggota badan) bagi mereka bukan syarat dan bukan juga juzu' iman. Cogan kata mereka ialah لا تضر مع الإيمان معصية كما لا تنفع الطاعة مع الكفر (Tidak mengapa melakukan ma'shiat kalau beriman. Tidak berguna keta'atan kalau ia dilakukan dalam kekufuran). إن المؤمن وإن عصى لا يدخل النار (Sesungguhnya orang mu'min tidak akan masuk neraka walaupun ia melakukan ma'shiat). **Firqah Karraamiyyah** berpendapat, iman hanya nama kepada إقرار باللسان atau pengakuan dengan lidah sahaja. Mengaku kebenaran agama Islam dengan lidah sahaja